



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

SIARAN MEDIA

MAJLIS AMANAT PERDANA HARI KEBANGSAAN 2026

PUTRAJAYA, 28 Ogos 2026 – Kementerian Perpaduan Negara ingin memaklumkan bahawa lokasi dan masa terkini bagi Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2026 yang akan disampaikan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri, telah ditetapkan pada 30 Ogos 2026 (Ahad), jam 2.00 petang, bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Perubahan lokasi dan masa tersebut dibuat sebagai langkah penyesuaian dengan mengambil kira perkembangan semasa, khususnya bagi memastikan aspek keselamatan, kesihatan dan keselesaan para tetamu serta orang ramai, di samping menjamin kelancaran pelaksanaan majlis.

Majlis Amanat Perdana Hari Kebangsaan 2026 merupakan wadah penting untuk menghayati aspirasi dan harapan kepimpinan Kerajaan MADANI dalam menyemarakkan semangat kemerdekaan, memperkukuh patriotisme serta membina rasa cinta dan tanggungjawab terhadap negara.

Sehubungan itu, seluruh rakyat Malaysia dijemput hadir beramai-ramai untuk bersama-sama menyemarakkan semangat Hari Kebangsaan serta menyuburkan nilai saling memahami, menghormati dan menerima kepelbagaian demi pembinaan sebuah negara bangsa yang terus maju, harmoni dan sejahtera.

Kementerian Perpaduan Negara

28 Ogos 2026

KPN.100-9/1/16 (72)